



25 APR, 2025

## Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dilantik

Sinar Harian, Malaysia



# Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dilantik

Tun Ramli Ngah Talib menerima surat cara pelantikan bagi tempoh empat tahun bermula 1 Mei 2025

KUALA LUMPUR

**B**ekas Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tun Ramli Ngah Talib dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kesembilan berkuat kuasa bermula 1 Mei ini.

Beliau menerima surat cara pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dalam Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Singgahsana Kecil, Istana Negara di sini pada Khamis.

Pada istiadat sama, Ramli, 84, turut dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang membawa gelaran Tun.

Ramli dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang mengikut Perkara 1 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh empat tahun bermula 1 Mei 2025 hingga 30 April 2029.

Pelantikan Ramli bagi menggantikan Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak yang telah menyandang jawatan itu sejak 1 Mei 2021.

Istiadat pengurniaan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Turut hadir, Ketua Setiausaha



Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran SMN yang membawa gelaran Tun kepada Ramli pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Istana Negara pada Khamis.



Ramli Ngah Talib berbual bersama Anwar Ibrahim ketika Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang di Istana Negara pada Khamis.

Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul; Yang di-Pertua Dewan Negara, Senator Datuk Awang Beme Awang Ali Basah; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong dan Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying.

Ramli pernah menyandang jawatan utama sama ada di peringkat Persekutuan dan negeri antaranya sebagai Menteri Besar Perak kelapan selama 17 tahun bermula pada tahun 1982 sehingga 1999. - Bernama

### PROFIL

**TUN RAMLI NGAH TALIB**  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kesembilan berkuat kuasa pada 1 Mei 2025

**UMUR:** 84 tahun

#### PENDIDIKAN

1. Sekolah Melayu Pasir Salak
2. Saint Anthony's School Teluk Intan
3. Malay College Kuala Kangsar (MCKK)
4. Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) Queen's University, United Kingdom
5. Ijazah Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London, United Kingdom

#### KELUARGA

1. Beliau berkahwin dengan Puan Seri Datuk Raja Noora Ashikin Raja Abdullah dan dikurniakan empat anak.
2. Empat cahaya mata mereka ialah Toh Muda Datuk Rizal Ashram, Ramelle Ashram, Puteri Yasmin Ashram dan Puteri Azalia Ashram.

#### KERJAYA DAN POLITIK

- **Sekitar 1960:** Memulakan pekerjaan sebagai pensyarah undang-undang di Institut Teknologi Mara, sekarang dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pensyarah undang-undang sambilan di Universiti Malaya (UM).
- **1971:** Dilantik penasihat undang-undang pertama di Lembaga Letrik Negara (kini Tenaga Nasional Bhd) dan pada masa sama turut memperoleh sijil sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaysia.
- **1978:** Dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perak bagi kawasan Kampung Gajah dan dilantik menjadi anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak.
- **1983:** Dilantik menjadi Menteri Besar Perak dan kekal menjawat jawatan itu selama 17 tahun sehingga 1999.
- **2004:** Beliau kemudiannya menjadi Ahli Parlimen Pasir Salak dan dilantik menjadi Speaker Dewan Rakyat dari 2004 hingga 2008.

#### PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH

1. Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri
2. Seri Paduka Sultan Azlan Shah (SPSA) yang membawa gelaran Dato' Seri DiRaja
3. Darjah Seri Paduka Cura Si Manja Kini (SPCM) yang membawa gelaran Dato' Seri
4. Jaksa Pendamai (JP)
5. Anugerah Datuk Seri Maharaja Lela Mangkubumi oleh Ketua-Ketua Adat Aceh, Indonesia
6. Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari University of Sheffield, United Kingdom.

